

SPR: Mereka 'spin spin', tipu-tipu

MalaysiaKini.com

May 10, 2012

Oleh Kuek Ser Kuang Keng

Penarikan balik Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya disebabkan oleh "putar belit dan penipuan" oleh BERSIH dan pembangkang, kata Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Datuk Wan Ahmad Wan Omar.

"Mereka putar belit, buat cerita karut dan juga buat persepsi bahawa rang undang-undang itu tidak bagus...

"Demi untuk beri kepuasan kepada semua pihak supaya tidak timbul orang yang kata itu helah kerajaan, (kita) ambil jalan yang terbaik iaitu bincang sesama BN, pembangkang dan SPR.

"Kalau itu yang terbaik, yang mahu dibuat oleh parlimen tak apalah, SPR buat saja. Dia orang *spin, spin* (putar belit), tipu-tipu bagi mewujudkan tekanan yang kuat, terpaksa kita tarik balik," katanya dalam majlis makan tengah hari di sebuah hotel di Kuala Lumpur hari ini.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/197541>